

Artikel 153 Perlembagaan Persekutuan dan Universiti Teknologi Mara (UiTM): Analisis Perundangan di Malaysia

Ikmal Hisham Md. Tah^{1*}, Khairul Anuar Abd. Hadi²

¹Fakulti Undang-Undang, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang,
Kampus Kuantan, 25200 Kuantan, Pahang, Malaysia
ikmal@pahang.uitm.edu.my

²Fakulti Undang-Undang, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang,
Kampus Jengka, 26400 Bandar Tun Razak Jengka, Pahang, Malaysia
khairulanuarah@pahang.uitm.edu.my

*Penulis Rujukan

Abstrak: Perkembangan pendidikan masa kini menuntut pemahaman berkaitan isu dan cabaran yang dihadapi oleh Universiti Teknologi MARA (UiTM) dalam mempertahankan anak bangsa. Di Malaysia, UiTM telah diberi keutamaan dalam memajukan pendidikan bagi orang-orang Melayu dan Bumiputera secara umum. Ini dapat dilihat menerusi Peruntukan Artikel 153 Perlembagaan Persekutuan yang memberi tanggungjawab kepada Yang Dipertuan Agong dalam memastikan kedudukan istimewa kepada orang Melayu dan Bumiputera Sabah dan Sarawak dilindungi. Akta UiTM 1976 (Akta 173) telah memperuntukan dengan jelas bahawa penubuhan UiTM adalah selaras dengan Artikel 153 Perlembagaan Persekutuan. Oleh sebab itu, penubuhan UiTM mempunyai asas perlembagaan yang kuat. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa pihak yang mempertikai dan meperlekeh peranan UiTM kepada masyarakat umum. Mereka terikut-ikut dengan pihak yang menentang kewujudan UiTM tanpa mengambil kira peranan yang dimainkan oleh kerajaan dan pelbagai agensi dalam membantu pendidikan Melayu dan Bumiputera. Ini tidak seharusnya berlaku kerana di dalam masyarakat Malaysia yang majmuk, setiap warga haruslah menghormati dan memahami peranan kerajaan dalam meningkatkan taraf sosio-ekonomi Melayu terutamanya dalam sektor pendidikan. Ini adalah selaras dengan peruntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan dan Kontrak Sosial yang dipersetujui oleh pemimpin-pemimpin terdahulu sejak merdeka. Oleh sebab itu, Artikel 153 berperanan dua hala dalam menjamin kestabilan sosial negara. Kertas kerja ini akan mengupas aspek perundangan di dalam Artikel 153 Perlembagaan Persekutuan dan Akta UiTM 1976 yang berperanan dalam slogan utamanya mengubah destini anak bangsa.

Kata Kunci: Artikel 153, Perlembagaan Persekutuan, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Undang-undang Malaysia

1. Pengenalan

Secara umum, perkembangan Universiti Teknologi MARA (UiTM) boleh dibahagikan kepada empat peringkat bermula dengan kewujudan Dewan Latihan RIDA, Maktab Mara, Institut Teknologi MARA (ITM) dan kini Universiti Teknologi MARA (UiTM) (Ahmad Redzuan, 2006). Bermula dengan kewujudan Dewan Latihan RIDA (Rural Industrial Development Authority) pada November 1956. Dato Onn Jaafar, Presiden UMNO yang pertama menyedari betapa pentingnya pendidikan kepada kaum Melayu yang agak ketinggalan ketika itu telah mencadangkan penubuhan RIDA bagi mengatasi masalah ini. Hasil lawatan beliau ke Ceylon (Sri Lanka) idea penubuhan RIDA ini telah direalisasikan menerusi penubuhan dua pusat latihan; Dewan Latihan RIDA di Petaling Jaya dan Taman Asohan RIDA di Kuala Lumpur. Di antara kursus-kursus yang ditawarkan ketika itu ialah kursus persediaan mengikuti peperiksaan London Chamber of Commerce (LCC), Stenografi, Kesetiausahaan dan Perakaunan. Konvokesyen Pertama Dewan Latihan RIDA telah dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri ketika itu Tun Abdul Razak bin Hussein pada tahun 1964.

Dewan Latihan RIDA telah ditukarkan ke nama baru iaitu Maktab MARA. Bermula pada tahun 1967, Maktab MARA telah ditukarkan kepada Institut Teknologi MARA (ITM) bagi

merealisasikan masa depan yang lebih baik dalam pembangunan pendidikan Bumiputera. Tun Abdul Razak telah memainkan peranan yang amat penting dalam pembangunan ITM dengan menyediakan pelan jangka panjang bagi pembangunan infrastruktur dan latihan kepada kaum Bumiputera di dalam pelbagai bidang pekerjaan di dalam sektor komersil, industri dan professional. Oleh sebab itu, tapak kampus baru ITM telah dibina di Shah Alam Selangor.

Perkembangan ITM semakin pesat dan pada tahun 1976, Akta ITM 1976 telah digubal bagi meletakkan kuasa ITM di bawah Kementerian Pelajaran daripada Majlis Amanah Rakyat (MARA) ketika itu. Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, Menteri Pelajaran ketika itu telah menyatakan dengan jelas bahawa penubuhan ITM adalah bertujuan bagi penyeimbangan kaum selaras dengan pembangunan negara.

Pindaan Akta ITM pada tahun 1996 adalah sangat signifikan kerana beberapa pembaharuan penting telah dilaksanakan terutamanya membabitkan isu governans dan penganugerahan ijazah akademik setaraf dengan universiti awam sedia ada ketika itu. Menteri Pendidikan ketika itu, Dato Seri Musa Mohamed ketika membentangkan rang undang-undang tersebut, telah mengkategorikan pindaan tersebut kepada empat bahagian iaitu; meluaskan ruang lingkup aktiviti ITM, governans ITM, pengurusan kewangan dan akauntabiliti. Pindaan tahun 1996 memberi peluang kepada ITM setaraf dengan universiti-universiti awam lain ketika itu sekaligus meningkatkan taraf pendidikan tinggi negara (Penyata Rasmi, 1996).

Sejarah telah tercipta pada tanggal 26 Ogos 1999 di mana ITM telah dinaiktarafkan kepada UiTM. Penukaran nama dari Institut kepada Universiti telah memberi kesan signifikan terhadap perkembangan UiTM dalam membantu menaikkan taraf pembangunan pendidikan bangsa Melayu dan Bumiputera. Salah satu pindaan yang dibuat terhadap Akta UiTM 1976 (Pindaan 2000) ialah dengan memasukkan peruntukan perlembagaan di bawah Artikel 153 berkaitan kedudukan istimewa orang Melayu dan Bumiputera (Penyata Rasmi, 2000). Makalah ini akan menjelaskan tentang peranan yang boleh dimainkan oleh UiTM dalam melaksanakan peruntukan tersebut bagi membantu meningkatkan taraf pendidikan anak bangsa.

2. Perlembagaan Malaysia dan Akta UiTM

Perbincangan berkaitan perundangan dan pendidikan telah termaktub di dalam beberapa peruntukan di bawah Perlembagaan Persekutuan. Sebagai undang-undang tertinggi negara, hak bagi mendapatkan pendidikan secara umum telah dijelaskan menerusi Artikel 12 Perlembagaan Persekutuan. Klausula (1) (a) telah menekankan tentang tiada diskriminasi di dalam mendapatkan pendidikan bagi semua di institusi pendidikan awam terutamanya bagi memasukkan pelajar dan pembayaran yuran pendidikan. Setiap institusi pendidikan tidak kira awam mahupun swasta berhak mendapat bantuan kewangan dan bantuan daripada kerajaan tidak kira samada pendidikan berasaskan agama mahupun kaum dan tiada diskriminasi dibenarkan menurut peruntukan klausula (1) (b).

Selain daripada peruntukan di bawah Artikel 12 Perlembagaan Persekutuan, perkara berkaitan pendidikan juga merangkumi kewujudan peruntukan di bawah Artikel 153 Perlembagaan Persekutuan. Asas kepada peruntukan di bawah Artikel ini ialah Yang DiPertuan Agong diberi kuasa bagi menentukan perizaban kuota bagi memberi perlindungan kepada kaum Melayu dan anak-anak negeri (Bumiputera) Sabah dan Sarawak tanpa menjejaskan *kepentingan sah* (*“legitimate interest”*) kaum-kaum lain. Artikel 153 memberi tiga perkara utama yang dibenarkan untuk perizaban kuota iaitu; (1) jawatan di dalam perkhidmatan awam, (2) biasiswa, danasiswa dan keistimewaan atau dana latihan atau kemudahan khas yang disediakan oleh pihak berkuasa, (3) apa-apa permit atau lesen bagi operasi perniagaan dan pertukangan yang dibenarkan oleh undang-undang. Oleh sebab itu, kedudukan istimewa orang Melayu dan Bumiputera Sabah dan Sarawak merupakan salah satu tindakan afirmatif yang dibenarkan di bawah Perlembagaan.

Berdasarkan kepada sejarah, kedudukan istimewa orang Melayu ini telah dinyatakan dengan jelas di dalam dua dokumen utama iaitu Perkara 19 Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 dan memorandum Raja-Raja Melayu kepada Suruhanjaya Reid melalui empat

perkara iaitu tanah rizab Melayu, perlantikan orang Melayu di dalam sektor awam, pendidikan dan ekonomi. Suruhanjaya Reid telah mencadangkan agar kedudukan istimewa itu dikaji setiap 15 tahun menerusi laporan yang dibentangkan di parlimen samada mengekalkan, mengurangkan atau menghentikan pelaksanaan kedudukan istimewa tersebut. Sejarah telah membuktikan bahawa kemasukan peruntukan Artikel 153 di dalam Perlembagaan telah melalui pelbagai siri perbincangan di antara wakil-wakil kerajaan British, wakil pelbagai kaum, parti-parti politik dan Raja-Raja Melayu (Mohd. Rizal & Shamrahayu, 2014).

Artikel 153 juga mempunyai tiga keunikan utama menurut Faruqi (2003) iaitu perlindungan terhadap golongan majoriti yang kebanyakannya ketinggalan di dalam pelbagai sektor, tiada sekatan masa berbanding cadangan Reid Commission dan faktor sejarah perlindungan kedudukan orang Melayu semasa penjajahan British. Di sebalik kedudukan istimewa, penggunaan Artikel 153 tidak bersifat *carte blanche* (kebebasan mutlak) dan seharusnya berdasarkan interpretasi yang terhad di dalam Perlembagaan Persekutuan (Faruqi, 2003). Mohamed Suffian (2007) telah menjelaskan bahawa keperluan bagi melaksanakan Artikel 153 terletak di bawah tanggungjawab kerajaan Persekutuan terutamanya menerusi mesyuarat kabinet di mana tolak ansur di kalangan pemimpin Melayu dan bukan Melayu sangat penting. Menerusi mekanisme 'nasihat kabinet' dari terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama, satu penyelesaian praktikal dapat diselesaikan dengan baik demi menjamin keharmonian negara. Isu tolak ansur ini juga telah dijelaskan oleh Mohd Rizal dan Shamrahayu (2014) di mana tafsiran 'kepentingan sah' kaum lain juga tidak diberi perhatian sewajarnya di dalam perbincangan Artikel 153. Maka, adalah sewajarnya semua pihak terutamanya rakyat mengetahui perbincangan umum mengenai peruntukan ini supaya tidak timbul salah faham dan konflik yang tidak sewajarnya di negara kita.

Oleh sebab itu, Artikel 153 telah menggunakan pendekatan bersifat holistik serta dua hala kerana keseluruhan rakyat Malaysia dijamin kedudukan mereka di bawah Perlembagaan. Dari segi pendidikan, kewujudan sekolah vernakular adalah contoh terbaik tolak ansur yang diamalkan di dalam sistem pendidikan negara. Oleh sebab itu, boleh dikatakan kewujudan UiTM juga adalah selaras dengan tolak ansur yang diamalkan. Kedudukan istimewa Melayu dan Bumiputera Sabah dan Sarawak telah dijelaskan oleh beberapa penulis sebagai unsur terpenting di dalam Perlembagaan. Nazri (2014) telah menjelaskan terdapat empat unsur tradisi di dalam Perlembagaan Persekutuan merangkumi Raja-Raja Melayu, agama Islam, Bahasa Melayu dan kedudukan istimewa orang Melayu dan Bumiputera dan dianggap sebagai 'tiang seri' Perlembagaan. Kedudukan istimewa ini diperolehi menerusi kontrak sosial di antara pemimpin terdahulu sebagai timbal balik hak mendapatkan hak kewarganegaraan, budaya dan penggunaan Bahasa ibunda bagi kaum bukan Bumiputera. (Mohamed Suffian, 2007; Faruqi, 2003; Mohd. Rizal dan Shamrahayu, 2014).

Di dalam aspek pendidikan, Artikel 153 (8A) Perlembagaan Persekutuan memberi kuasa kepada Yang DiPertuan Agong untuk memberi arahan kepada mana-mana institusi pendidikan tinggi termasuk universiti dan kolej di dalam perizaban kuota yang munasabah berkaitan pendidikan bagi orang Melayu dan kaum Bumiputera di Sabah dan Sarawak. Walau bagaimanapun institusi pendidikan tinggi ini tertakluk di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan menurut Artikel 153 (2) Perlembagaan Persekutuan maka tanggungjawab menyediakan bantuan pendidikan seperti biasiswa, tempat pengajian, latihan dan sebagainya adalah di bawah bidang kuasa kerajaan. Interpretasi 'perizaban kuota yang munasabah' ini menurut Faruqi (2008) tertakluk kepada perbincangan di luar mahkamah menerusi rundingan tertutup dan bersifat kompromi berbanding dengan pendekatan di India di dalam kes *Devadasan v Union (1964) AIR 179 SC* di mana Mahkamah Agung India mempunyai kuasa penuh dalam penetapan kuota berasaskan kaum di dalam institusi pendidikan.

Perbincangan mengenai kedudukan Artikel 153 di dalam sektor pendidikan boleh didapati di dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 (Akta 30) dan Akta Universiti Teknologi MARA 1976 (Akta 173). Menurut Peraturan 5 Jadual Pertama AUKU 1971, tertakluk kepada peruntukan Artikel 153 Perlembagaan Persekutuan, keahlian sesebuah universiti samada pensyarah, pentadbir dan pelajar hendaklah dibuka kepada semua orang tanpa

mengira kaum, bangsa dan agama. Di dalam Akta UiTM 1976 pindaan tahun 2000 telah dibuat dengan memasukkan peruntukan Seksyen 1A dengan meletakkan Artikel 153 sebagai salah satu syarat penubuhan UiTM. Oleh sebab itu, kedudukan UiTM di bawah Perlembagaan Persekutuan dilihat terjamin dengan kemasukkan peruntukan ini di dalam akta induk UiTM.

Penafsiran Artikel 153 Perlembagaan Persekutuan tidak lengkap sekiranya definasi Melayu dan Bumiputera itu tidak dijelaskan dengan tepat. Di antara masalah berkaitan penafsiran Melayu menurut Perlembagaan ialah ketidakkonsisten terutamanya menerusi peruntukan Artikel 160 dan beberapa Enakmen Rezab Melayu (Mohd Nazim, 2011). Menurut Artikel 160, Melayu ditafsirkan di bawah 3 kategori iaitu beragama Islam, bercakap Bahasa Melayu dan mengamalkan adat istiadat Melayu. Namun begitu, didapati definasi Melayu di dalam perlembagaan berbeza dengan peruntukan Artikel 89(6) di mana definasi Melayu tertakluk kepada 'negeri' tempat mereka tinggal di dalam isu pemilikan tanah rezab Melayu. Ada negeri yang meletakkan Majlis Agama Islam termasuk definasi Melayu manakala ada negeri yang meletakkan keturunan Arab sebagai syarat Melayu. Masalah ini dilihat sebagai menjejaskan status sebenar siapa itu Melayu sebenar. Oleh sebab itu, Mohd Nazim (2011) telah mencadangkan agar di antara definasi Melayu di bawah Artikel 160 dan 89(6) ditafsir secara harmoni bagi mengelakkan kekaburan undang-undang di masa hadapan. Manakala tafsiran anak-anak negeri Sabah dan Sarawak pula boleh dibaca di bawah peruntukan Artikel 161A (6) (a) dan (b).

3. UiTM dan Perkembangan Pendidikan Bumiputera

Peranan UiTM di dalam melahirkan teknokrat dan birokrat Melayu dan Bumiputera tidak boleh disangkal lagi. Pelbagai usaha yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan dalam memastikan kaum majoriti menerima pendidikan sewajarnya. Sewaktu Pembentangan Rang Undang-Undang Akta Institut Teknologi MARA (Pindaan 1996), Dato Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Menteri Pendidikan ketika itu menegaskan pendekatan '*social engineering*' yang dimainkan oleh ITM ketika itu telah menjadi contoh yang terbaik bagi membantu mengimbangi keperluan para pelajar dari pelbagai status sosio-ekonomi (Hansard Parlimen, 1996).

Menyedari akan kepentingan UiTM kepada pendidikan negara, Dato Seri Mohd Najib Tun Razak semasa Perhimpunan Agung UMNO 2005 memperkenalkan 'Enrolmen 200,000' bagi meningkatkan bilangan pelajar Melayu dan Bumiputera di UiTM di bawah Rancangan Malaysia ke Sembilan. Tujuan enrolmen ini ialah bagi memastikan bilangan pelajar Melayu dan Bumiputera dapat ditingkatkan menerusi peranan UiTM dan pelbagai institusi pendidikan tinggi swasta. Perkongsian strategik ini adalah penting bagi memastikan UiTM sentiasa relevan dan bersaing di dalam pengajian tinggi negara (Fauziah & Azian, 2007). Bilangan enrolmen ini telah ditambah seramai 250,000 menjelang tahun 2020. Di samping itu, projek Mengubah Destinasi Anak Bangsa yang diilhamkan oleh Naib Canselor UiTM, Prof Tan Sri Dato Seri Dr Sahol Hamid Abu Bakar. Program ini bertujuan untuk meningkatkan enrolmen pelajar dari golongan yang berpendapatan rendah dan memiliki kelayakan minimum memasuki program-program akademik di UiTM. Selain itu, program UiTM Endowment RM 1 Billion telah diwujudkan bagi mensasarkan penglibatan golongan Alumni UiTM memberi sumbangan kepada pihak universiti dalam bentuk menjana pendapatan dan sumbangan kewangan (Rozanna, 2015).

Walaupun pelbagai usaha telah dijalankan menerusi penambahan enrolmen pelajar, mengubah destinasi anak bangsa serta endowment, namun realitinya kaum Melayu dan Bumiputera masih lagi ketinggalan dari sudut bilangan pelajar yang berjaya memasuki institusi pengajian tinggi. Walaupun terdapat peningkatan yang lebih baik berbanding tahun-tahun sebelumnya, masih banyak perkara yang perlu diambil perhatian sewajarnya. Perbandingan statistik di antara kemasukkan pelajar Bumiputera ke universiti awam dan swasta telah dibincangkan oleh Nazri (2014) dan Zainal Abidin (2001). Kedua-dua penulis ini berpandangan Artikel 153 wajar diteruskan kerana terdapat ketidakseimbangan bilangan pelajar Melayu/Bumiputera dan bukan Bumiputera yang sangat ketara. Secara umumnya, terdapat kira-

kira 60% pelajar Melayu/Bumiputera dan 40% pelajar bukan Bumiputera di Universiti Awam namun bilangan tersebut hanya 5% pelajar Bumiputera di Universiti Swasta. Kekangan kewangan pendidikan di peringkat tertiar di samping kedudukan sosioekonomi penduduk Melayu/Bumiputera yang rata-rata masih di tahap sederhana dan miskin menyebabkan ketidakseimbangan ini berlaku.

Di sektor pekerjaan pula, bilangan professional Melayu/Bumiputera yang dilahirkan meningkat dari tahun ke tahun. Kewujudan UiTM telah memberi jumlah yang besar kepada professional sedia ada. Statistik menunjukkan tahun-tahun sebelumnya bilangan profesion Melayu telah meningkat dan menggalakkan saban tahun bermula tahun 2000 sehingga 2010. Namun, bilangan ini masih kecil lagi sekiranya dibandingkan dengan pekerja di bidang-bidang professional seperti arkitek, jurutera dan peguam. Menurut statistik yang dikeluarkan pada tahun 2010, bilangan professional bukan Bumiputera mengatasi Bumiputera terdiri daripada peguam, akauntan dan arkitek manakala hanya jurutera dan juruukur, mempunyai bilangan Bumiputera mengatasi bukan Bumiputera (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010). Oleh sebab itu, UiTM perlu memainkan peranan yang berkesan dalam menambah bilangan professional Melayu selaras dengan misi dan visi UiTM.

4. Isu-isu dan Cabaran Dihadapi UiTM

Di dalam memastikan kelangsungan UiTM di dalam sistem pendidikan negara, pelbagai mehnah dan tribulasi yang dialami oleh UiTM sebagai institusi keramat dalam mempertahankan pendidikan orang Melayu dan Bumiputera. Oleh sebab itu, isu pendidikan haruslah diberi keutamaan di dalam memperkasakan UiTM. Tun Suffian Hashim, mantan Ketua Hakim Negara di dalam penghakiman *Merdeka University vs Government of Malaysia [1982] 2 MLJ 243* telah menjelaskan tentang betapa pentingnya sebuah institusi pendidikan mementingkan peranan dalam pendidikan berbanding permainan politik. Di dalam sesebuah negara yang berbilang kaum, isu sensitif seperti bahasa dan perkauman harus ditangani secara matang di dalam sebuah negara yang merdeka.

Pertikaian terhadap pemakaian Artikel 153 Perlembagaan Persekutuan bukanlah sesuatu yang baru. Abdul Halim (2015) telah menjelaskan pertentangan ini sebenarnya telah wujud sejak tahun 1960an lagi dengan penglibatan parti-parti politik ketika itu iaitu Parti Tindakan Rakyat (PETIR/PAP) selepas penubuhan Malaysia pada tahun 1963. PETIR telah mempersoalkan kedudukan istimewa Melayu ketika itu dan ini amat tidak disenangi oleh orang Melayu dan kerajaan Perikatan. Orang Melayu beranggapan membangkitkan kedudukan istimewa orang Melayu sebagai tidak menghormati tolak ansur yang diberikan kepada kaum bukan Bumiputera dalam persoalan kewarganegaraan dan pemakaian bahasa ibunda. Ketegangan kaum yang berlaku di Singapura pada tahun 1964 dan Peristiwa 13 Mei 1969 telah menyumbang kepada ketegangan hubungan kaum gara-gara pertikaian tersebut. (Abdul Halim, 2015). Selain itu, pertikaian seorang ahli parlimen terhadap kewujudan sekolah vernakular serta cadangan pindaan Artikel 152 berkaitan kedudukan Bahasa Melayu juga telah diputuskan sebagai hasutan di dalam ke Mark Koding v PP [1983] 1 MLJ 111. Oleh sebab itu, sebarang cadangan pindaan Perlembagaan membabitkan isu bahasa serta perkauman walaupun oleh seorang ahli Parlimen boleh diputuskan salah di sisi undang-undang.

Tindakan pihak yang membangkitkan polemik pembukaan UiTM kepada bukan Bumiputera bertentangan dengan tindakan afirmatif adalah amat dikesali (Kua Kia Soong, 2012). Selain itu, kewajaran dasar kerajaan membantu pelajar Melayu dan Bumiputera menerusi peruntukan Artikel 153 juga dikritik hebat sebagai berunsur rasis dan bersifat diskriminasi kepada rakyat Malaysia (Kua Kia Soong, 2015). Sebagai sebuah institusi yang tertakluk kepada Artikel 153 menerusi Seksyen 1A Akta UiTM 1976, kewujudan UiTM sebagai institusi yang mempunyai justifikasi perundangan yang sah. Oleh sebab itu, penubuhan UiTM telah mempunyai asas perlembagaan yang kukuh dan sebahagian daripada 'tiang seri' perlembagaan maka kedudukan UiTM tidak terjejas keseluruhannya. Tambahan pula peruntukan meminda Artikel 153 hanya boleh dilaksanakan bukan hanya persetujuan dua pertiga ahli Dewan rakyat

tetapi juga menerusi Majlis Raja-Raja Melayu seperti termaktub di dalam Artikel 159(5) Perlembagaan Persekutuan.

Ada juga pihak mengutarakan hujah bahawa UiTM bertentangan dengan konsep kesamaan seperti termaktub di bawah Artikel 8 Perlembagaan Persekutuan (Kua Kia Soong, 2014). Pihak berkenaan sebenarnya gagal memahami bahawa peruntukan Artikel 8 tidak bersifat mutlak dan diskriminasi bersifat positif dibenarkan pelaksanaan oleh pihak berkuasa. Terdapat beberapa pengecualian yang boleh terdapat di dalam peruntukan Artikel 8 melalui dua pengecualian iaitu Pengecualian Perlembagaan dan pengecualian 'common law.' (Faruqi, 2008). Pengecualian berdasarkan kepada Perlembagaan terkandung di dalam Artikel 8 (2), 8(5), 145(3) dan 145 (3A) manakala pengecualian 'common law' pula berdasarkan kepada keputusan penghakiman di dalam Artikel 8. Mohd Nazim (2011) menegaskan pendekatan harmoni dalam penafsiran Artikel 8 adalah sangat penting memandangkan kedudukan istimewa yang diperolehi UiTM. Oleh sebab itu, diskriminasi berunsurkan positif ini terhadap UiTM sesuatu yang wajar di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Terdapat juga tuduhan mengatakan penubuhan UiTM bertentangan konsep kemunasabahan Artikel 153 dan juga melanggar peruntukan undang-undang antarabangsa (Melissa, 2015). Penulis ini telah memberi contoh yang terkandung di dalam Konvensyen Antarabangsa mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Perkauman (ICERD) dengan mengatakan dasar UiTM yang pro-Bumiputera bertentangan dengan undang-undang antarabangsa. Namun penulis gagal membaca peruntukan Artikel 1(4) dan Artikel 2(2) ICERD yang membenarkan kedudukan istimewa dan tindakan afirmatif diambil oleh pihak kerajaan mencapai objektif yang ditentukan. Namun seperkara yang penting ialah undang-undang antarabangsa tidak termasuk konvensyen yang tidak ditandatangani di Malaysia tidak boleh dijadikan asas penerimaan undang-undang tersebut di Malaysia. Di dalam prinsip undang-undang antarabangsa, pemakaian undang-undang antarabangsa kepada undang-undang domestik tertakluk di bawah doktrin monism dan dualism. Malaysia mengamalkan doktrin dualism menyebabkan hanya perjanjian undang-undang antarabangsa yang telah ditandatangani dan diratifikasikan oleh kerajaan Malaysia serta digubal sebagai akta domestik boleh diterima pakai. Manakala pemakaian doktrin monism yang membenarkan pemakaian undang-undang antarabangsa secara automatik di dalam undang-undang tempatan dikhuatiri boleh menggugat kedaulatan dan nilai-nilai tempatan dan budaya sesebuah negara (Farid, 2008). Oleh sebab itu, tuduhan yang mengatakan UiTM bertentangan dengan undang-undang antarabangsa adalah sesuatu yang tiada asas kukuh memandangkan Malaysia tidak meratifikasikan konvensyen antarabangsa tersebut.

5. Penutup

Perlembagaan Persekutuan telah memberikan hak yang sewajarnya kepada seluruh rakyat Malaysia tidak kira bangsa, kaum dan warna kulit. Peruntukan di bawah Artikel 153 boleh disimpulkan sebagai bukan sahaja memelihara dan menjunjung 'tiang seri' Perlembagaan Persekutuan, tetapi bertindak melindungi kaum-kaum yang lain melalui perkataan 'kepentingan sah' yang termaktub. Melalui rundingan pelbagai pihak semasa penggubalan Perlembagaan Persekutuan pada tahun 1957, pemakaian Artikel 153 ini adalah konsisten dengan semangat muafakat dan tolak ansur yang selama ini diamalkan di Malaysia, negara kita yang tercinta. Pelbagai isu dan cabaran telah dihadapi oleh UiTM dalam meningkatkan dan menjayakan peluang Melayu/Bumiputera mendapat pendidikan tinggi. Tambahan pula, bilangan professional Bumiputera masih di dalam bilangan yang kurang memuaskan berbanding bukan Bumiputera menyebabkan kedudukan istimewa UiTM masih perlu dikekalkan. Di dalam menangani pelbagai cabaran bersifat dalaman dan luaran, UiTM seharusnya berperanan dalam menggemblang tenaga dan memainkan peranan aktif di dalam sektor pembangunan negara.

Melalui semangat muafakat dan tolak ansur diamalkan kini, Malaysia hendaklah menekankan peranan sebagai sebuah negara modern. Akhir kata penulis ingin menutup makalah ini dengan kata-kata hikmah dari Professor Emeritus Dato Dr. Shad Saleem Faruqi di dalam

penulisan The Star bertarikh 14 Februari 2015 berkaitan isu pemodenan negara iaitu 'Kemodenan ialah garis harus di antara perkauman (bermaksud kebencian sesama kaum) dan kesedaran komuniti, iaitu kehendak positif membantu komuniti, bukan hanya diri sendiri! (*'Moderation is the fine line between racism (which is hatred for others) and community-consciousness, which is a positive desire to uplift a community, not necessarily one's own!'*)

6. Rujukan

- Abdul Halim R. (2015). *Perlembagaan Malaysia: Isu Dan Persoalan Perhubungan Kaum*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Ahmad Ridzuan W. C. (2006). *Achieving A Dream...A Story of Courage/Ketabahan Merealisasikan Impian*. Shah Alam: Jabatan Arkib dan Muzium Universiti Teknologi MARA.
- Akta Universiti Teknologi MARA 1976 (Akta 173).
- Anon. (2014). 'Cabar keistimewaan UiTM langgar perlembagaan', <http://www.malaysiakini.com/news/263376>. Accessed 15 August 2015.
- Devadasan v Union (1964) AIR 179 SC.
- Farid S. S. (2008). The Status of International Law in the Malaysian Municipal Legal System: Creeping Monism in Legal Discourse? *IIUM Law Journal*, 16, 181-202.
- Faruqi, S. S. (2003). Affirmative action policies and the constitution. *Kajian Malaysia*, 21, 31-57.
- Faruqi, S. S. (2008). *Document of Destiny: The Constitution of the Federation of Malaysia*, Malaysia: Star Publications.
- Faruqi, S. S. (2015). In praise of moderation, The Star, <http://www.thestar.com.my/Opinion/Columnists/Reflecting-On-The-Law/Profile/Articles/2015/05/14/In-praise-of-moderation/>. Accessed 1 June 2015.
- Fauziah A., & Azian A. (2007). Projek 200,000 pelajar dilancar -- UiTM wajar jadi universiti terbaik walaupun tampung ramai pelajar – Abdullah, http://ww1.utusan.com.my/utusan/special.asp?pr=umno2005&y=2007&dt=0313&pub=Utusan_Malaysia&sec=Muka_Hadapan&pg=mh_01.htm. Accessed 15 August 2015.
- Historical Development of Universiti Teknologi MARA (UiTM), <http://www.uitm.edu.my/index.php/en/about-uitm/uitm-profile-history/historical-development?showall=&limitstart=> Accessed 1 August 2015.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2010). *Perangkaan Perkhidmatan (Perkhidmatan Profesional)*, ms. 94.
- Konvensyen Antarabangsa mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Perkauman (ICERD) <http://www.ohchr.org/EN/ProfessionalInterest/Pages/CERD.aspx>. Accessed 2 August 2015.
- Kua Kia Soong. (2012). Do Malays Have Special "Rights"? <http://www.suaram.net/?p=4397>. Accessed 20 August 2015.
- Kua Kia Soong. (2014). Article 153 doesn't condone UiTM bumi policy, <http://www.malaysiakini.com/news/263904>. Accessed 20 August 2015.
- Kua Kia Soong. (2015). *Racism and Racial Discrimination in Malaysia*. Petaling Jaya: Suara Inisiatif Sdn. Bhd.
- Mark Koding v PP [1983] 1 MLJ 111.
- Melissa C. (2015). Malaysia breaking international laws with pro-Bumiputera policies, Suaram dviser claims, Malay Mail Online. <http://www.themalaymailonline.com/malaysia/article/malaysia-breaking-international-laws-with-pro-bumiputera-policies-suaram-ad>. Accessed 20 August 2015.
- Merdeka University vs Government of Malaysia [1982] 2 MLJ 243.
- Mohamed Suffian H. (2007). *An Introduction to the Constitution of Malaysia (3rd Ed.)*, T. Sofia. J., Salleh B., Y.H.Merican, (eds.). Kuala Lumpur: Pacifica Publications.

- Mohd. Nazim, G.S. (2011). Wither the bumiputera identity of Universiti Teknologi Mara (UiTM). *Kajian Malaysia*, 29, 67-89.
- Mohd. Rizal Yaakop & Shamrahayu A. A. (2014). *Kontrak Sosial: Perlembagaan Persekutuan Pengikat Jati Diri Bangsa Malaysia Merdeka*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.
- Mohd. Salleh A. (1985). *Unsur-Unsur Tradisi Dalam Perlembagaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Nazri M. (2014). *Islam dan Melayu dalam Perlembagaan: Tiang Seri Hubungan Etnik di Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM.
- Penyata Rasmi (Hansard) Dewan Rakyat Parlimen Malaysia, 24 Februari 2000 ms.36.
- Penyata Rasmi (Hansard) Dewan Rakyat Parlimen Malaysia, 31 Julai 1996 ms.21.
- Perlembagaan Persekutuan Malaysia 1957.
- Rozanna L. (2015). PM launches UiTM RM1b Education Fund, *New Straits Times*, Malaysia.
- Zainal Abidin A.W. (2001). *Bahasa, Pendidikan dan Pembangunan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.